



Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Pendeta Za'ba seorang tokoh intelektual Melayu yang unggul.

ZA'BA DALAM KENANGAN

(SEMPENA KEMATIANNYA PADA 23 OKTOBER 1973)

Oleh Zaini Ujang

Seorang anak muda ditanya: "Kenalkah Pendeta Za'ba?" Anak muda itu agak tersentak. Mukanya mula berkerut. Nyata hampa lalu menggelengkan kepala. Seorang lagi anak muda, gadis jelita ditanya dengan soalan yang serupa. "Rasanya pernah dengar nama tersebut, tetapi tak begitu pastilah."

"Saya pernah dengar nama Za'ba. Dalam buku sejarah semasa di sekolah dahulu. Tapi saya dah lupa sumbangannya kepada bangsa Melayu."

Begitulah nasib seorang cendekiawan besar yang namanya hanya tersergam hebat ketika nyawa masih di badan. Tetapi ketika nisananya tertegak di kuburan, maka namanya mula pudar. Malah namanya hampir hilang di tengah-tengah kewujudan satu generasi baru menjelang abad ke-21.

Menyedari hakikat ini maka Prof

Diraja Ungku Aziz menulis buku *Jejak-jejak di Pantai Zaman* untuk menyedarkan masyarakat tentang kecendekiawan Za'ba. Buku yang hanya setebal 110 muka surat itu lebih banyak menyorot tentang pemikiran Za'ba mengenai masyarakat Melayu. Menurut Ungku Aziz, Za'balah anak Melayu yang pertama menghasilkan tulisan-tulisan khusus mengenai kemiskinan masyarakat Melayu serta cara-cara mengatasinya.

Lebih jauh daripada itu, Za'ba bukan sahaja berperanan sebagai ahli bahasa Melayu, sasterawan serta pengkritik sosial dan ekonomi masyarakat Melayu semata-mata, malah beliau juga banyak memberi sumbangan besar kepada falsafah pemikiran Islam di rantau ini (Hamdan Hassan pada pengenalan buku "Falsafah Takdir" karya Za'ba yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980). Bahkan ada kalangan yang menganggap Za'ba se-

bagai intelektual Melayu yang unggul dalam erti kata yang seluas-luasnya.

Za'ba atau Zainal Abidin Ahmad yang dilahirkan pada 16 September 1895 di Batu Kikir, Negeri Sembilan itu sebenarnya bukan tokoh sebarangan. Ketokohnya sangat dirasakan dalam banyak hal. Pemikiran-pemikiran asli yang dihasilkan begitu dinamik dan antikonserwatisme. Beliaulah pemikir terawal yang mengutarakan konsep sebenar tentang kemiskinan masyarakat Melayu. Menurut tulisan beliau *The Poverty of the Malays* yang disiarkan dalam akhbar *Malay Mail* pada 31 Disember 1923, masyarakat Melayu sebenarnya berada dalam keadaan yang sangat miskin. Kemiskinan tersebut bukanlah semata-mata kerana 'tiada berharta' sahaja malah ia lebih parah daripada itu sebagaimana yang diungkapkan oleh Za'ba: "Kemiskinan orang-orang Melayu itu ialah kemiskinan yang meliputi serba-serbinya dan mengelilingi mereka pada segala pihaknya."

Sehubungan itu, beliau telah menggariskan empat bentuk kemiskinan utama masyarakat Melayu iaitu kemiskinan dari segi kepeperangan tinggi dan mulia, kemiskinan ilmu pengetahuan, kemiskinan cita-cita tinggi dan kemahuan untuk maju serta kemiskinan harta dan kekayaan. Menurut penilaian Ungku Aziz, dalam beberapa keadaan Za'ba juga cuba untuk membezakan kemiskinan dari sudut kebendaan dan bukan kebendaan. Di sebalik kemiskinan itu pula Za'ba membuat kesimpulan bahawa sebahagian besar masyarakat Melayu pada masa itu tidak mempunyai iman yang teguh dan percaya kepada kekuatan ghaib dan guna-guna semata-mata. Malah masyarakat Melayu juga tidak mempunyai kepercayaan pada diri sendiri, cita-cita yang kurang teguh dan lemah dalam menjalankan tanggungjawab sendiri.

Di samping itu, Za'ba turut mendedahkan beberapa kelemahan peribadi sebahagian besar masyarakat Melayu. Antaranya ialah sikap suka berborak atau *melepak* di kedai-kedai kopi sehingga membazir waktu, mengetepikan kebajikan

umum, tidak sanggup berkorban, tidak mahu bekerja kuat dan lemah dalam hal-ehwal perniagaan. Umumnya, konsep kemiskinan yang dikemukakan oleh Za'ba merupakan konsep yang luas sekaligus bersepadu. Dalam hubungan ini, beliau kerap kali mengaitkan kemiskinan masyarakat Melayu dengan kedangkalan terhadap fahaman agama. Agama hanya difahami sebagai amalan sembahyang, membaca al-Quran dan niat puasa sahaja. Aspek-aspek kehidupan yang lain terlalu banyak dicampuradukkan dengan unsur-unsur bidaah. Keadaan ini wujud kerana sebahagian besar masyarakat Melayu hanya bertaklid (ikut secara membuta-tuli) dalam soal tauhid.

Za'ba bukanlah tokoh pemikir yang hanya pandai mengkritik sahaja sebagaimana yang biasa dilakukan oleh kebanyakan mereka yang bergelar sarjana kini. Tetapi beliau juga mengemukakan banyak kaedah untuk mengatasi masalah yang diperkatakannya. Dalam soal kemiskinan ini, Za'ba telah menggariskan empat jalan penyelesaian bagi masyarakat Melayu: Asuhan hati dan budi pekerti, didikan dan pelajaran kepada anak-anak, memperluaskan alam persuratan dan bersikap jimat cermat (Abdullah dan Khalid Hussain: 1974). Melalui penumpuan terhadap perkembangan diri dan peribadi, Za'ba meyakini bahawa masyarakat Melayu akan berubah. Malah lebih jauh daripada itu, beliau meletakkan pembinaan iman yang kental sebagai landasan kukuh ke arah mengatasi kemiskinan masyarakat Melayu. Proses ini hanya akan tercapai jika sistem pendidikan yang dijalani mampu menyahut cabaran zaman dan lingkungan. Oleh itu beliau seringkali mengkritik sistem pendidikan pondok yang dikatakan sudah ketinggalan zaman dari segi bahan ilmu, pendekatan dan metodologi. Sistem tradisional tersebut juga disaluti dengan fahaman taklid dan sudah pasti tidak mampu untuk menjalankan tugas besar bagi membina kekuatan ummah, khususnya masyarakat Melayu.

Sesungguhnya tulisan-tulisan Za'ba banyak merangsangkan pemikiran masyarakat Melayu supaya

Gaya penulisan-nya yang sangat menarik dengan sindiran-sindiran yang tajam membuatkan tulisan-tulisan Za'ba begitu diminati dan seringkali pula mengundang polemik.

menyedari keadaan mereka yang sebenarnya. Gaya penulisan yang sangat menarik dengan sindiran-sindiran yang tajam membuatkan tulisan-tulisan Za'ba begitu diminati dan seringkali pula mengundang polemik. Dan sudah pasti kegiatan Za'ba yang radikal itu telah membimbangkan golongan konservatif Melayu dan penjajah Inggeris. Untuk mengatasi masalah kelantangan dan keberanian Za'ba, penjajah Inggeris telah menawarkan beliau banyak jawatan yang baik. Ini dilakukan dengan harapan pemikiran Za'ba akan terbelenggu dan tidak mampu lagi bergerak bagi membangunkan pemikiran masyarakat Melayu seluruhnya. Daripada seorang guru biasa di English College Johor Bahru, beliau telah dilantik menjadi Ketua Penterjemah di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Namun begitu, Za'ba bukanlah tokoh yang dungu dan kaki pengampu. Sebaliknya beliau telah menggunakan sepenuh kesempatan dan kemudahan yang diperolehi untuk terus berfikir dan berkarya. Beliau semakin giat menterjemah serta menulis rencana dan buku. Maka lahirlah buku magnum opusnya *Pelita Bahasa Melayu* (3 jilid) yang menjadi asas kepada tatabahasa Melayu moden sehingga ke hari ini. Karya beliau yang lain ialah *Dewa Derma Dewa*, *Dewi Derma Dewi*, *Ilmu Bahasa Melayu Penggal I dan II*, *Pendapatan Perbahasan*

Ulama Berkenaan dengan qadak dan qadar, *Ilmu Mengarang Melayu*, *Daftar Ejaan Melayu Jawil Rumi*, *Panduan Mengarang II*, *Asuhan Budi*, *Kalung Bunga* dan sebagainya.

Oleh kerana sumbangan Za'ba yang sangat besar dan bernilai itu, maka beliau telah dilantik menjadi pelopor dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1953. Melalui kesempatan itu, Za'ba telah menjalankan banyak penyelidikan tentang keadaan masyarakat Melayu di samping mengemukakan kritikan, saranan serta penyelesaiannya sekaligus. Beliaulah yang mendesak Naib Canselor Universiti Malaya ketika itu untuk mengambil para pensyarah muda Melayu di Jabatan Pengajian Melayu yang sebelum itu dipenuhi dengan pensyarah bukan Melayu.

Mengenangkan jasanya yang besar kepada tamadun keintelektualan Melayu pada tahun 1956 beliau telah dianugerahkan gelaran "Pendeta" oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Pada tahun 1959, Universiti Malaya telah mengurniakan gelaran Doktor Kehormat dalam bidang kesusasteraan. Universiti Kebangsaan Malaysia menganugerahkan beliau gelaran yang sama pada tahun 1973.

Biarpun Pendeta Za'ba sudah enam belas tahun kembali ke alam barzakh dan persoalan yang diperkatakannya sudah banyak digarap kebelakangan ini, namun pemikirannya masih tetap segar. Sumbangan Pendeta Za'ba tidak seharusnya diabaikan, apatah lagi dibiarkan beliau menjadi tokoh usangan. Seharusnya, beliau diabadikan sebagai pemikir besar dalam dunia intelektual masyarakat Melayu-Islam. Dan yang lebih penting lagi, saranan beliau supaya masyarakat Melayu bersatu tenaga untuk membangunkan ummah perlu diberikan tumpuan yang serius. Orang Melayu juga seharusnya bersatu tenaga dalam bidang pendidikan, perniagaan, sosial dan yang lebih penting ialah politik. Jikalau masyarakat Melayu-Islam berpecah-belah dalam politik bermakna mereka telah memecahkan tembok-tembok asas kewujudan bangsa Melayu itu sendiri. ●